PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia berkembang 4.2% pada suku pertama

Ekonomi Malaysia berkembang 4.2% pada suku pertama 2016 (S4 2015: 4.5%). Pertumbuhan yang menurun sedikit ini sebahagian besarnya mencerminkan kejutan luaran terhadap ekonomi dan perbelanjaan berhati-hati oleh sektor swasta. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan (4.5%; S4 2015: 4.9%). Eksport bersih menyumbang secara negatif kepada pertumbuhan pada suku itu berikutan penurunan eksport benar barangan dan perkhidmatan (-0.5%; S4 2015: +4.0%) dalam keadaan pertumbuhan yang terus positif dalam import benar (1.3%; S4 2015; 4.0%). Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 1.0% (S4 2015: 1.2%).

Pertumbuhan permintaan dalam negeri lebih perlahan

Permintaan dalam negeri berkembang 3.6% pada suku pertama 2016 (S4 2015: 4.0%), dengan perbelanjaan sektor swasta berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 4.5% (S4 2015: 4.9%). Pertumbuhan **penggunaan swasta** berkembang 5.3% (S4 2015: 4.9%), disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga yang berterusan. Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 2.2% pada suku pertama (S4 2015: 4.9%). Sentimen perniagaan yang berhati-hati dan harga komoditi yang lebih rendah terus menjejaskan pelaburan dalam sektor perlombongan huluan. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berterusan.

Pertumbuhan **penggunaan awam** meningkat kepada 3.8% (S4 2015: 3.3%), disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk emolumen. Walau bagaimanapun, **pelaburan awam** merosot 4.5% (S4 2015: 0.4%), disebabkan perbelanjaan yang lebih rendah untuk aset tetap oleh syarikat awam, terutamanya dalam sektor minyak dan gas dan sektor pengangkutan, yang lebih daripada mengimbangi pelaburan yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan.

Dari segi jumlah pelaburan, pertumbuhan **pembentukan modal tetap kasar (PMTK)** menjadi sederhana kepada 0.1% (S4 2015: 2.7%), berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pelaburan swasta dan

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2015			2016
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan Tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri					
Agregat (tidak termasuk stok)	91.6	8.0	4.0	5.1	3.6
Sektor Swasta	69.2	9.6	4.9	6.1	4.5
Penggunaan	*52.4*	*9.0*	*4.9*	*6.0*	*5.3*
Pelaburan	*16.9*	*11.6*	*4.9*	*6.4*	*2.2*
Sektor Awam	22.4	2.6	2.1	2.1	0.4
Penggunaan	*13.5*	*4.1*	*3.3*	*4.4*	*3.8*
Pelaburan	*8.9*	*0.6*	*0.4*	*-1.0*	*-4.5*
Eksport Bersih	8.6	-10.1	4.3	-3.8	-12.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*72.9*	*-0.6*	*4.0*	*0.6*	*-0.5*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*64.3*	*0.9*	*4.0*	*1.2*	*1.3*
KDNK	**100.0**	**5.7**	**4.5**	**5.0**	**4.2**
KDNK (Pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.4**	**1.2**	**-**	**1.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk eksplorasi mineral, penyelidikan & pembangunan, dan lain-lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kemerosotan dalam pelaburan awam. Dari segi jenis aset, pertumbuhan PMTK yang lebih rendah disebabkan oleh kemerosotan lebih besar dalam pelaburan untuk jentera dan kelengkapan (-7.1%; S4 2015: -0.1%), yang lebih daripada mengimbangi peningkatan pelaburan untuk struktur (5.7%; S4 2015: 5.0%).

Pertumbuhan sektor ekonomi utama sederhana

Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan yang sederhana pada suku pertama. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang mampan, disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam permintaan dalam negeri. Dalam sektor perkilangan, pertumbuhan disokong oleh industri berorientasikan eksport dan berorientasikan pasaran dalam negeri, walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Pertumbuhan menguncup dalam sektor pertanian, apabila keadaan cuaca buruk telah mengakibatkan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah. Pertumbuhan sekor pembinaan kekal kukuh, didorong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam. Sektor perlombongan beralih arah untuk mencatat pertumbuhan positif yang kecil, berikutan peningkatan dalam pengeluaran gas asli.

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan mampan sebanyak 5.1% pada suku pertama 2016 (S4 2015: 5.0%), disokong oleh permintaan dalam negeri. Subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat 5.2% (S4 2015: 6.4%), sejajar dengan pertumbuhan yang berterusan dalam perbelanjaan isi rumah. Pertumbuhan subsektor maklumat dan komunikasi kekal teguh (8.5%; S4 2015: 9.2%), didorong oleh permintaan yang mampan untuk perkhidmatan komunikasi data. Subsektor utiliti mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 6.7% (S4 2015: 3.2%), berikutan penggunaan elektrik yang lebih tinggi pada suku pertama. Subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang 6.4% (S4 2015: 6.1%), disokong terutamanya oleh segmen perkhidmatan perniagaan. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan meningkat 5.8% (S4 2015: 6.0%) sejajar dengan peningkatan

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2015			2016
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan	53.5	6.4	5.0	5.1	5.1
Perkilangan	23.0	5.6	5.0	4.9	4.5
Perlombongan	9.0	9.7	-1.3	4.7	0.3
Pertanian	8.9	-4.1	1.5	1.2	-3.8
Pembinaan	4.4	9.6	7.4	8.2	7.9
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.7**	**4.5**	**5.0**	**4.2**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.4**	**1.2**	**-**	**1.0**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2015			2016
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**38.2**	**5.7**	**4.1**	**4.6**	**4.7**
Kewangan & insurans	12.9	1.9	-1.5	-0.7	0.1
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	8.0	7.5	6.1	6.6	6.4
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	5.7	6.0	5.7	5.8
Maklumat & komunikasi	10.6	9.6	9.2	9.4	8.5
Perkhidmatan Akhir	**61.8**	**6.8**	**5.4**	**5.5**	**5.3**
Perdagangan borong & runcit	27.4	9.8	6.4	6.9	5.2
Makanan & minuman dan penginapan	5.2	7.3	5.8	6.4	6.1
Utiliti	4.8	3.7	3.2	3.5	6.7
Perkhidmatan Kerajaan	16.3	3.8	4.7	4.0	5.3
Perkhidmatan lain	8.2	4.6	4.6	4.7	4.6
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**[1]	**6.4**	**5.0**	**5.1**	**5.1**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
	Indeks			
Indeks Sentimen Pengguna MIER	72.6	63.8	69.6	72.9
Indeks Perdagangan Runcit MIER	85.4	77.9	83.4	65.9
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	100.7	89.8	97.9	93.0
	Perubahan tahunan (%)			
Ketibaan pelancong	-8.6	-2.3	-6.3	n.a
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	-0.8	-3.0	0.9	5.9[1]
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	3.5	3.1	3.1	1.9
Jumlah pinjaman terkumpul	9.2	7.9	7.9	6.4
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	9.3	8.2	8.2	7.0
Import barangan penggunaan	4.4	38.3	24.1	24.6
Jumlah jualan kenderaan bermotor	5.3	4.1	0.0	-22.0
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	12.9	5.4	7.9	6.7[1]

[1] Jan-Feb 2016

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**5.6**	**5.0**	**4.9**	**4.5**
Industri berorientasikan eksport	7.0	5.4	5.6	4.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	2.9	4.1	3.7	4.6
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**5.7**	**4.8**	**4.8**	**4.3**
Industri berorientasikan eksport	**5.1**	**4.7**	**4.8**	**4.2**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**10.7**	**10.7**	**9.2**	**5.9**
Antaranya:				
Elektronik	-0.2	5.7	0.7	6.0
Keluaran elektrik	40.5	24.7	32.1	6.4
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**2.2**	**1.5**	**2.5**	**3.2**
Antaranya:				
Kimia dan keluaran kimia	9.9	1.9	4.6	3.3
Keluaran petroleum	2.1	-0.2	1.2	1.2
Keluaran getah	-1.3	7.0	5.1	6.9
Pemprosesan di luar estet	-20.2	-1.9	-3.5	2.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**7.6**	**5.0**	**4.7**	**4.6**
Kelompok berkaitan pembinaan	**6.9**	**4.8**	**4.5**	**4.9**
Antaranya:				
Keluaran berkaitan pembinaan	8.1	3.7	4.5	4.7
Keluaran logam yang direka	4.7	6.9	4.6	5.4
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**8.3**	**5.1**	**4.8**	**4.2**
Antaranya:				
Kelengkapan pengangkutan	9.2	3.7	5.2	2.0
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.5	7.4	4.8	7.3

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

berterusan dalam aktiviti berkaitan perdagangan. Subsektor kewangan dan insurans mencatat pertumbuhan yang positif sebanyak 0.1% (S4 2015: -1.5%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pendapatan faedah bersih dan pendapatan fi.

Sektor perkilangan terus berkembang pada suku pertama (4.5%; S4 2015: 5.0%), disokong oleh kedua-dua industri berorientasikan pasaran dalam negeri dan eksport. Pertumbuhan industri berorientasikan pasaran dalam negeri didorong oleh pengeluaran yang lebih

kukuh dalam kelompok berkaitan pengguna, terutamanya keluaran berkaitan makanan serta permintaan yang teguh terhadap bahan berkaitan pembinaan. Sementara itu, industri berorientasikan eksport disokong oleh prestasi yang lebih baik dalam kelompok berkaitan sumber dalam keadaan pertumbuhan berterusan kelompok elektronik dan keluaran elektrik (E&E).

Sektor pembinaan berkembang 7.9% pada suku pertama (S4 2015: 7.4%), disokong oleh subsektor kejuruteraan awam. Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam didorong oleh projek petrokimia, utiliti dan projek berkaitan pengangkutan. Pertumbuhan aktiviti subsektor pembinaan yang khusus meningkat pada suku itu, mencerminkan aktiviti kerja peringkat awal seperti kerja merobohkan, menanam cerucuk dan kerja tanah. Dalam subsektor bukan kediaman, kadar pertumbuhan adalah rendah disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang lebih perlahan untuk bangunan perindustrian dan komersial. Dalam subsektor kediaman, pertumbuhan terus disokong oleh pembinaan harta tanah untuk pasaran umum dan mewah.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai kerja pembinaan yang siap	15.1	11.2	12.1	11.1
Kediaman	19.5	8.7	10.9	8.4
Bukan kediaman	24.3	3.6	13.9	3.8
Kejuruteraan awam	4.2	23.3	11.9	21.3
Pertukangan khas[1]	4.2	4.4	8.0	17.3
Kelulusan perumahan	-24.2	-18.5	-25.3	-22.1
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan				
Simen hidraulik	20.2	11.9	14.8	-7.9
Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l	20.9	-15.3	3.4	-8.9
Produk porselin dan seramik lain	31.2	12.2	20.0	0.7
Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan	-13.3	21.1	-2.2	21.7
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)	11.3	3.1	4.8	-8.1
Pinjaman untuk sektor pembinaan				
Kelulusan	21.4	-5.5	3.8	0.4
Pengeluaran	3.2	-13.4	-0.6	-2.8

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan dalam **sektor pertanian** menguncup 3.8% (S4 2015: 1.5%), terutamanya mencerminkan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah, berikutan fenomena cuaca El Nino yang menjejaskan hasil tanaman. Sementara itu, pertumbuhan **sektor perlombongan** beralih arah untuk mencatat pertumbuhan positif yang kecil sebanyak 0.3% (S4 2015: -1.3%) berikutan pengeluaran gas asli yang meningkat.

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2015 (%)	2015			2016
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**100**	**-4.1**	**1.5**	**1.2**	**-3.8**
Tanaman Industri	**61.0**	**-9.3**	**1.7**	**0.7**	**-9.2**
Antaranya:					
Kelapa Sawit	46.9	-11.7	1.2	1.3	-10.0
Getah	7.2	4.8	26.9	8.1	-13.0
Tanaman Makanan	**39.0**	**4.0**	**1.2**	**2.0**	**3.5**
Antaranya:					
Perikanan	10.7	4.4	2.4	0.6	-2.1
Ternakan	10.7	4.3	0.4	2.4	5.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**9.7**	**-1.3**	**4.7**	**0.3**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat	20.3	0.2	10.1	-0.3
Gas asli	-1.3	-5.0	-1.8	0.0
Perlombongan lain dan perkhidmatan sokongan	14.3	14.4	13.7	6.5

Sumber:Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi meningkat pada suku pertama 2016

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), lebih tinggi pada 3.4% pada suku pertama 2016 (S4 2015: 2.6%). Inflasi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* meningkat kepada 3.0% pada suku pertama 2016 (S4 2015: 2.5%) susulan pengurangan rebat untuk tarif elektrik daripada 2.25 sen untuk setiap kWj kepada 1.52 sen untuk setiap kWj pada bulan Januari 2016. Inflasi yang lebih tinggi pada suku pertama juga disebabkan oleh kadar inflasi negatif yang lebih kecil dalam kategori *pengangkutan* (-1.6%; S4 2015: -5.7%) yang berpunca daripada kesan asas tahunan berikutan penurunan yang lebih besar dalam harga bahan api dalam negeri pada suku pertama 2015.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menurun 4.4% pada suku pertama 2016 (S4 2015: -4.5%). Penurunan ini didorong terutamanya oleh harga bahan pengantara yang lebih rendah, terutamanya dalam kategori *bahan api yang diproses dan pelincir,* yang mencerminkan harga tenaga dan komoditi global yang rendah pada suku pertama.

Keadaan pasaran pekerja lebih perlahan tetapi stabil

Keadaan pasaran pekerja lebih perlahan, namun pada amnya stabil pada suku pertama 2016[1], dengan kadar pengangguran meningkat sedikit (3.4% daripada jumlah tenaga kerja; S4 2015: 3.2%), manakala penyertaan tenaga kerja mampan (67.6% daripada jumlah tenaga kerja; S4 2015: 67.7%). Permintaan terhadap pekerja baharu juga mampan pada suku pertama berdasarkan pertambahan jumlah jawatan baharu yang diiklankan oleh majikan, yang kebanyakannya daripada sektor perkilangan dan perkhidmatan, di Jobstreet.com (61,378; S4 2015: 54,569).

Penunjuk Pasaran Pekerja*



* Angka Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) bagi S1 2015 dan seterusnya mencerminkan anggaran penduduk semasa baharu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

ª Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Indeks Harga Pengguna

Kategori	Wajaran (%) (2010=100)	S4 2015	S1 2016
		Pertumbuhan tahunan, %	
Jumlah	**100.0**	**2.6**	**3.4**
Makanan dan minuman bukan beralkohol	30.2	4.5	4.6
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	2.5	3.0
Pengangkutan	13.7	-5.7	-1.6
Lain-lain	32.3	5.0	4.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[1] Berdasarkan data awalan.

Agregat upah dalam sektor perkilangan terus mencatat pertumbuhan yang teguh (6.9%; S4 2015: 7.4%) disokong oleh prestasi eksport yang terus meningkat, terutamanya kelompok elektrik dan elektronik (E&E). Namun demikian, pertumbuhan guna tenaga dalam sektor perkilangan terus lemah (-0.5%; S4 2015: -0.4%), menunjukkan bahawa majikan masih berhati-hati dalam menambah tenaga kerja mereka pada suku tersebut. Dalam subsektor perkhidmatan perdagangan edaran[2], pertumbuhan upah mampan pada 4.7% (S4 2015: 4.6%). Guna tenaga dalam subsektor ini meningkat pada kadar 2.5% (S4 2015: 2.6%).

Kedudukan luaran kekal berdaya tahan pada suku pertama

Akaun semasa mencatat lebihan yang lebih kecil sebanyak RM5.0 bilion, bersamaan dengan 1.8% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada suku pertama 2016 (S4 2015: RM10.5 bilion atau 3.6% daripada PNK). Ini disebabkan terutamanya oleh lebihan barangan yang lebih kecil dan defisit perkhidmatan yang lebih besar, meskipun defisit akaun pendapatan lebih kecil.

Pada suku pertama 2016, eksport kasar terus meningkat, meskipun pada kadar yang lebih perlahan iaitu 1.0% (S4 2015: 8.1%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan lebih besar dalam eksport komoditi di tengah-tengah pengembangan eksport perkilangan yang berterusan. Import kasar menguncup sedikit pada 0.4% (S4 2015: 3.5%), mencerminkan terutamanya import barangan modal dan pengantara yang lebih rendah. Berikutan itu, lebihan perdagangan lebih rendah pada RM23.9 bilion (S4 2015: RM30.6 bilion).

Eksport komoditi mencatat kemerosotan lebih besar pada S1 2016, disebabkan oleh permintaan lebih rendah terhadap semua komoditi utama pada suku tersebut, kecuali minyak sawit mentah. Kejatuhan yang nyata dalam harga LNG dan getah terus memberikan tekanan terhadap eksport komoditi. Namun demikian, pengembangan eksport perkilangan yang berterusan (6.4%) terus menyokong

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2015 (%)	2015			2016
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**100.0**	**-2.5**	**8.1**	**1.9**	**1.0**
Perkilangan	80.2	0.2	12.5	6.5	6.4
E&E	*35.6*	*6.8*	*9.6*	*8.5*	*3.6*
Bukan E&E	*44.6*	*-4.7*	*14.9*	*5.0*	*8.7*
Berasaskan sumber	*22.3*	*-12.2*	*2.7*	*-3.9*	*1.6*
Bukan berasaskan sumber	*22.3*	*4.7*	*29.5*	*15.7*	16.2
Komoditi	19.2	-10.6	-7.3	-13.4	-18.3
Mineral	*10.6*	*-7.2*	*-14.5*	*-20.6*	*-32.5*
Pertanian	*8.6*	*-15.9*	*3.8*	*-2.7*	*6.5*
Import Kasar	**100.0**	**0.2**	**3.5**	**0.4**	**-0.4**
Barangan pengantara	58.2	3.0	-1.7	-2.3	-3.1
Barangan modal	14.0	8.7	0.5	0.0	-12.9
Barangan penggunaan	9.1	4.4	38.3	24.1	24.6
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	18.7	-15.0	9.0	-0.3	8.7
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**-**	**21.3**	**30.6**	**94.6**	**23.9**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran[1]

	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
Akaun Semasa	**11.3**	**10.5**	**34.7**	**5.0**
(% daripada PNK)	*4.2*	*3.6*	*3.1*	*1.8*
Barangan	27.7	31.1	109.6	23.5
Perkhidmatan	-3.5	-6.4	-21.0	-6.8
Pendapatan primer	-7.7	-9.1	-32.0	-6.7
Pendapatan sekunder	-5.1	-5.0	-21.9	-4.9
Akaun Kewangan	**-29.8**	**3.9**	**-50.9**	**5.8**
Pelaburan langsung	-1.4	5.8	4.8	3.7
Aset	*-10.0*	*-2.9*	*-37.2*	*-11.2*
Liabiliti	*8.5*	*8.6*	*41.9*	*14.9*
Pelaburan portfolio	-7.9	15.9	-28.2	13.1
Aset	*-7.4*	*5.6*	*-9.1*	*-5.9*
Liabiliti	*-0.5*	*10.3*	*-19.1*	*19.0*
Derivatif kewangan	0.0	-0.1	-0.7	0.5
Pelaburan lain	-20.5	-17.6	-26.8	-11.5
Kesilapan dan ketinggalan[2]	2.8	-20.4	21.1	-38.4
Imbangan Keseluruhan	**-15.7**	**-6.0**	**3.8**	**-27.6**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti bukan pemastautin di Malaysia.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Subsektor perkhidmatan perdagangan edaran terdiri daripada subsektor perdagangan borong dan runcit, serta kenderaan bermotor.

pertumbuhan eksport kasar, didorong oleh keluaran perkilangan bukan berasaskan sumber dan berasaskan sumber, khususnya jentera, kelengkapan dan peralatan, keluaran logam, serta kimia dan keluaran kimia. Eksport keluaran elektrik dan elektronik (E&E) juga meningkat, disokong terutamanya oleh permintaan terhadap jentera dan peralatan elektrik serta kelengkapan telekomunikasi.

Dari segi destinasi, eksport terus disokong oleh permintaan daripada rakan perdagangan utama, terutamanya AS, EU dan rantau ASEAN. Eksport ke AS dan rantau ASEAN disokong terutamanya oleh keluaran E&E. Eksport ke EU didorong terutamanya oleh jentera, kelengkapan dan peralatan, serta minyak sawit. Eksport ke RR China terus berkembang pada suku tersebut, disokong sebahagian besarnya oleh eksport keluaran logam dan bijih logam.

Import kasar menguncup sedikit pada suku tersebut (-0.4%). Import modal lebih rendah sejajar dengan pengembangan aktiviti pelaburan yang lebih sederhana. Import barangan pengantara juga mencatat penurunan yang besar sedikit, terutamanya akibat kemerosotan input berkaitan bahan api sejajar dengan harga minyak mentah yang lebih rendah. Namun demikian, pertumbuhan import penggunaan kekal kukuh berikutan permintaan yang berterusan terhadap makanan dan minuman yang diimport, serta import barangan pengguna separuh tahan lama yang lebih tinggi, khususnya pakaian dan kasut. Import untuk dieksport semula, terutamanya keluaran logam dan E&E, juga menyumbang kepada peningkatan import kasar.

Defisit akaun **perkhidmatan** lebih besar pada RM6.8 bilion pada S1 2016 (S4 2015: defisit sebanyak RM6.4 bilion) disebabkan terutamanya oleh pembayaran bersih yang lebih tinggi untuk perkhidmatan lain, terutamanya perkhidmatan pembinaan dan telekomunikasi serta caj penggunaan untuk harta intelektual. Ini telah diimbangi sebahagiannya oleh pembayaran pengangkutan bersih yang lebih kecil dalam keadaan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan, serta lebihan perjalanan yang tinggi sedikit berikutan berkurangnya perjalanan ke luar negeri oleh pemastautin.

Defisit akaun **pendapatan primer** lebih kecil pada RM6.7 bilion pada S1 2016 (S4 2015: defisit sebanyak RM9.1 bilion), mencerminkan terutamanya pendapatan terakru yang lebih rendah kepada pelabur langsung asing, khususnya dalam sektor perlombongan dan perkilangan. Ini telah lebih daripada mengimbangi penurunan pendapatan pelaburan langsung terakru kepada syarikat

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2015 (%)	2015			2016
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Amerika Syarikat	**9.4**	**14.9**	**18.4**	**14.4**	**13.1**
Kesatuan Eropah (EU)	**10.1**	**1.7**	**13.0**	**8.4**	**8.0**
Jepun	**9.5**	**-2.8**	**-6.7**	**-10.7**	**-20.6**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.6**	**-2.3**	**7.7**	**2.6**	**5.7**
Timur Laut Asia	**24.0**	**-7.1**	**7.1**	**3.0**	**-4.3**
Republik Rakyat China	*13.0*	*-12.3*	*10.8*	*10.0*	*1.3*
Hong Kong SAR	*4.7*	*7.2*	*1.0*	*-0.5*	*-3.2*
Korea	*3.2*	*-9.5*	*-10.0*	*-9.7*	*-13.7*
China Taipei	*3.0*	*-3.6*	*25.0*	*-3.5*	*-15.1*
Asia Barat[2]	**2.8**	**-8.0**	**-3.3**	**-4.1**	**5.2**
India	**4.1**	**12.1**	**7.8**	**-0.7**	**3.0**
Jumlah eksport	**100.0**	**-2.5**	**8.1**	**1.9**	**1.0**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yaman dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia yang melabur di luar negeri dalam sektor perlombongan ekoran harga minyak yang berterusan rendah dan kos mengurus yang lebih tinggi. Pembayaran bersih dalam akaun **pendapatan sekunder** lebih rendah pada RM4.9 bilion pada S1 2016 (S4 2015: pembayaran bersih RM5.0 bilion), disebabkan terutamanya oleh kiriman wang ke luar negeri yang lebih rendah.

Akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM5.8 bilion (S4 2015: aliran masuk bersih RM3.9 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran masuk pelaburan langsung dan pelaburan portfolio.

Akaun **pelaburan langsung** mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM3.7 bilion (S4 2015: aliran masuk bersih RM5.8 bilion), apabila liabiliti pelaburan langsung terus mengimbangi pengumpulan aset pelaburan langsung. Dari segi aset, pelaburan langsung keluar meningkat kepada RM11.2 bilion (S4 2015: aliran keluar bersih RM2.9 bilion). Daripada jumlah ini, Pelaburan Langsung Luar Negeri (Direct Investment Abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM11.3 bilion (S4 2015: aliran keluar bersih RM6.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh suntikan modal ekuiti yang lebih tinggi kepada anak syarikat di luar negeri dan perolehan tertahan yang agak besar untuk pelaburan semula. Sebahagian besar daripada DIA disalurkan kepada sektor perlombongan, diikuti sektor perkhidmatan, khususnya dalam subsektor kewangan dan insurans serta maklumat dan komunikasi (ICT). Dari segi liabiliti, pelaburan langsung masuk lebih tinggi pada RM14.9 bilion (S4 2015: aliran masuk bersih RM8.6 bilion). Daripada jumlah ini, Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment, FDI) berjumlah RM15.0 bilion (S4 2015: aliran masuk bersih RM12.2 bilion), sebahagian besarnya dalam bentuk modal ekuiti dan pelaburan semula yang berterusan daripada perolehan tertahan. Kebanyakan aliran masuk FDI disalurkan kepada sektor perkhidmatan, mencerminkan terutamanya pemerolehan aset penjanaan kuasa domestik oleh sebuah entiti asing dan pelaburan berterusan dalam subsektor kewangan dan insurans serta ICT. FDI ke dalam sektor perlombongan dan pembinaan juga kekal agak besar.

Akaun **pelaburan portfolio** terus mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM13.1 bilion (S4 2015: aliran masuk bersih RM15.9 bilion). Pelaburan portfolio bersih oleh bukan pemastautin meningkat kepada RM19.0 bilion (S4 2015: aliran masuk bersih RM10.3 bilion), disebabkan oleh pembelian sekuriti hutang yang berterusan, khususnya Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), dan pembelian semula ekuiti bersih. Meskipun pasaran kewangan global terus tidak menentu, sentimen pelabur bertambah baik pada akhir suku tersebut, disokong oleh peningkatan sederhana dalam harga minyak dan tanda-tanda bahawa Federal Reserve akan membuat pelarasan dasar monetari AS secara lebih beransur-ansur. Pelaburan portfolio oleh pemastautin pula mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM5.9 bilion (S4 2015: aliran masuk bersih RM5.6 bilion), terutamanya disebabkan oleh pemerolehan semula aset kewangan asing bersih oleh bank dan pelabur institusi domestik.

Akaun **pelaburan lain** mencatat aliran keluar yang lebih rendah sebanyak RM11.5 bilion (S4 2015: aliran keluar bersih RM17.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih yang lebih rendah oleh bank dan sektor swasta bukan bank. Aliran keluar bersih disebabkan terutamanya oleh penempatan dana oleh bank Malaysia dalam institusi kewangan asing serta pemberian kredit perdagangan bersih oleh pengeksport Malaysia. Pada masa yang sama, sektor awam juga mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman jangka panjang yang lebih rendah oleh perusahaan awam.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat defisit sebanyak RM27.6 bilion pada suku pertama (S4 2015: defisit sebanyak RM6.0 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (E & O) berjumlah -RM38.4 bilion atau -11.1% daripada jumlah

perdagangan, kebanyakannya mencerminkan perubahan penilaian semula pertukaran asing dalam rizab antarabangsa berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama pada suku tersebut.

Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM809.1 bilion bersamaan dengan USD203.7 bilion atau 65.8% daripada KDNK pada akhir bulan Mac 2016 (akhir bulan Disember 2015: RM833.8 bilion atau USD192.3 bilion, bersamaan dengan 72.1% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang. Ini telah diimbangi sebahagiannya oleh pemegangan sekuriti hutang domestik yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin.

Pengukuhan ringgit telah memberikan kesan terutamanya kepada jumlah peminjaman luar pesisir terkumpul, yang merosot kepada RM439.0 bilion pada akhir bulan Mac 2016 (akhir bulan Disember 2015: RM463.6 bilion). Ia juga telah menyebabkan deposit bukan pemastautin dan liabiliti hutang luar negeri lain lebih rendah, masing-masing merosot kepada RM78.8 bilion dan RM67.5 bilion (akhir bulan Disember 2015: masing-masing RM81.6 bilion dan RM77.2 bilion).

Pada suku tersebut, terdapat pembayaran balik bersih peminjaman luar pesisir oleh sektor awam disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih oleh syarikat awam, mencerminkan khususnya penebusan satu bon antarabangsa. Namun demikian, ini telah diimbangi sebahagiannya oleh ambilan bersih pinjaman antara syarikat oleh syarikat multinasional asing yang mempunyai pelaburan langsung di negara ini.

Pada suku tersebut, pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin meningkat sebanyak RM12.5 bilion kepada RM223.9 bilion, mencerminkan sentimen pelabur yang terus bertambah baik (akhir bulan Disember 2015: RM211.3 bilion). Pemerolehan tertumpu terutamanya pada sekuriti hutang domestik Kerajaan seperti MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues). Sementara itu, pemegangan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes) oleh bukan pemastautin merosot kepada RM21.1 bilion pada akhir bulan Mac 2016 (akhir bulan Disember 2015: RM23.7 bilion).

Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus, dengan lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri terkumpul merupakan hutang jangka sederhana hingga panjang (59.4%). Kesan turun naik pertukaran asing dapat dibendung dengan agak baik memandangkan kira-kira 40% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit. Baki hutang luar negeri kebanyakannya dilindung nilai sama ada secara lazim menerusi perolehan mata

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2015		2016
	akhir-Mac	akhir-Dis	akhir-Mac
	RM bilion		
Peminjaman luar pesisir[1]	408.6	463.6	439.0
Bersamaan dengan USD bilion	*109.1*	*106.9*	*110.5*
Jangka sederhana dan panjang	*241.7*	*285.9*	*271.8*
Sektor awam	117.3	128.3	117.0
Sektor swasta	124.3	157.6	154.8
Jangka pendek	*166.9*	*177.7*	*167.1*
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	210.7	211.3	223.9
Jangka sederhana dan panjang	*168.8*	*184.1*	*197.8*
Jangka pendek	*41.9*	*27.2*	*26.1*
Deposit bukan pemastautin	81.4	81.6	78.8
Lain-lain[2]	66.5	77.2	67.5
Jangka sederhana dan panjang	*10.9*	*11.9*	*11.4*
Jangka pendek	*55.6*	*65.3*	*56.1*
Jumlah hutang luar negeri	**767.1**	**833.8**	**809.1**
Bersamaan dengan USD bilion	*204.9*	*192.3*	*203.7*
Hutang luar negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	66.3	72.1	65.8
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	45.1	42.2	40.6
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	1.1	1.2	1.2[5]
Hutang luar negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	35.3	40.1	35.7
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	40.8	38.3	38.1
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	2.3	2.3	2.3[5]

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terdiri terutamanya daripada pinjaman dalam mata wang asing diperoleh, dan nota dan bon terbitan luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Peminjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan sekuriti hutang domestik jangka pendek oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin, kredit perdagangan jangka pendek dan pelbagai.
[4] Bersamaan dengan peminjaman luar pesisir jangka pendek.
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 29 April 2016.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

wang asing atau melalui penggunaan instrumen kewangan. Hutang luar negeri jangka pendek adalah lebih rendah pada suku tersebut dan hanya mencakupi 40.6% daripada jumlah hutang luar negeri. Rizab antarabangsa memadai untuk membiayai 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek. Memandangkan terdapat perolehan mata wang asing dan aset luaran bank dan syarikat yang besar, bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa.

Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM381.6 bilion (bersamaan dengan USD97.0 bilion) pada 31 Mac 2016. Berikutan pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing, paras rizab dalam nilai ringgit merosot disebabkan oleh pengukuhan ringgit berbanding dengan pelbagai mata wang. Walau bagaimanapun, sebagai mencerminkan komposisi aset rizab mata wang asing yang pelbagai, paras rizab dalam nilai USD telah meningkat, berikutan penyusutan nilai USD berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau pada suku tersebut.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada 29 April 2016, kedudukan rizab berjumlah RM381.4 bilion (bersamaan dengan USD97.0 bilion) Paras rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh, jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa iaitu 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.2 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

Perbelanjaan Kerajaan meningkat

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat 5.1% (S4 2015: -4.2%), disebabkan oleh perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi. Peningkatan dalam perbelanjaan mengurus disebabkan oleh perbelanjaan lebih tinggi untuk *bekalan dan perkhidmatan* dan *pencen dan gratuiti.* Perbelanjaan pembangunan pula meningkat sebagai mencerminkan perbelanjaan lebih tinggi untuk projek perumahan, jalan raya dan jambatan, masing-masing di bawah sektor *perkhidmatan sosial* dan *pengangkutan*. Hasil Kerajaan merosot 5.3% (S4 2015: -6.0%), disebabkan terutamanya oleh kutipan cukai berkaitan minyak dan syarikat yang lebih rendah. Secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit 6.1% daripada KDNK (S4 2015: -5.6% daripada KDNK) pada suku tersebut. Pada akhir bulan Mac 2016, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah RM626.9 bilion atau 51.0% daripada anggaran KDNK bagi tahun 2016.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	51.5	56.0	219.1	48.8
% pertumbuhan tahunan	*4.8*	*-6.0*	*-0.7*	*-5.3*
Perbelanjaan mengurus	55.4	57.5	217.0	57.4
% pertumbuhan tahunan	*0.4*	*-3.8*	*-1.2*	*3.5*
Akaun semasa	**-3.9**	**-1.4**	**2.1**	**-8.6**
% daripada KDNK	***-1.4***	***-0.5***	***0.2***	***-2.9***
Perbelanjaan pembangunan bersih	7.9	15.5	39.3	9.2
% pertumbuhan tahunan	*13.2*	*-5.7*	*2.2*	*16.1*
Imbangan keseluruhan	**-11.8**	**-16.9**	**-37.2**	**-17.7**
% daripada KDNK	***-4.2***	***-5.6***	***-3.2***	***-6.1***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	63.3	72.9	256.3	66.5
% pertumbuhan tahunan	*1.8*	*-4.2*	*-0.7*	*5.1*
Jumlah Hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	596.8	630.5	630.5	626.9[1]
% daripada KDNK	*51.6*	*54.5*	*54.5*	*51.0*
Hutang dalam negeri	418.9	433.1	433.1	416.7
% daripada KDNK	*36.2*	*37.4*	*37.4*	*33.9*
Hutang luar negeri	177.9	197.4	197.4	210.2
% daripada KDNK	*15.4*	*17.1*	*17.1*	*17.1*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*160.2*	*176.0*	*176.0*	*190.2*
% daripada KDNK	*13.8*	*15.2*	*15.2*	*15.5*
Peminjaman luar pesisir	*17.6*	*21.5*	*21.5*	*19.9*
% daripada KDNK	*1.5*	*1.9*	*1.9*	*1.6*

[a] Awalan

[1] Sebahagian daripada hutang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan berjumlah RM21.9 bilion (1.8% daripada anggaran KDNK untuk tahun 2016) telah dipindahkan kepada badan berkanun baharu untuk pinjaman perumahan penjawat awam (Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, LPPSA) mulai tahun 2016.

Nota: Mulai suku pertama tahun 2015, tahun asas bagi KDNK telah dikemaskinikan kepada tahun 2010 daripada tahun 2005.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia